

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, August 25, 2019 3:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AUYS 2019 Bincang Isu Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Anak Muda



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 OGOS 2019 / 24 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

AUYS 2019 BINCANG ISU PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN ANAK MUDA



UUM ONLINE: Mengangkat tema '*Social Media Generation: Unleashing Youth Potential*', ASEAN University Youth Summit 2019 (AUYS 2019) menjadi platform kepada 200 peserta dari 53 universiti tempatan dan antarabangsa untuk membincangkan tentang media sosial yang kini semakin digunakan secara meluas oleh golongan muda khususnya.

Program anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, CAS (PPA CAS) dan Persatuan Inovasi Mahasiswa (INOVA) itu berlangsung selama empat (4) hari bermula semalam di EDC Hotel and Resort.

Penolong Naib Canselor UUM CAS, Prof. Dr. Huda Ibrahim berkata, penggunaan media sosial pada zaman sekarang sudah menjadi satu kemestian kepada hampir setiap orang untuk memiliki aplikasi seperti Facebook dan Instagram.

Menurutnya, semua orang khususnya generasi muda pasti akan memiliki sekurang-kurangnya salah satu daripada media sosial tersebut yang telah menjadi sebahagian daripada hidup masing-masing bagi tujuan berkongsi kisah kehidupan harian.

"Penggunaan media sosial penting untuk kita berkongsi apa yang dilihat, difikirkan atau ke mana kita pergi untuk tatapan ahli keluarga, rakan-rakan dan kenalan di alam maya.

"Justeru, AUYS kali ini akan menjadi platform kepada peserta terdiri pelajar universiti dari sembilan negara berbeza seperti Filipina, Brunei, Taiwan, Indonesia, Malaysia dan Thailand untuk berkongsi pandangan, idea dan berbincang secara positif tentang media sosial," katanya pada Majlis Perasmian AUYS 2019, pagi tadi.

Beliau berkata, media sosial menghubungkan semua orang di seluruh dunia, namun penggunaan media sosial yang menjadi alat berkesan untuk berkongsi maklumat itu turut mempunyai kesan buruknya.

Sehubungan itu, menurutnya, beliau mahu peserta mengambil peluang menerusi AUYS untuk saling mengenali dan berhubung melalui media sosial secara positif.

Katanya, manfaatkan media sosial dengan mengambil yang positif, respon secara positif dan matang apabila menggunakan media sosial tersebut.

Sementara itu, Dekan PPA CAS, Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad berkata, penganjuran AUYS 2019 adalah tepat pada masanya dan relevan dengan era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) sekarang.

Menurutnya, AUYS bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosi Komuniti ASEAN dalam kerjasama serantau dalam memartabatkan golongan belia di universiti.

"AUYS menjadi platform untuk berbincang dan berkongsi pengetahuan antara peserta tentang penggunaan media sosial dalam kalangan anak muda.

"Sepanjang sidang kemuncak ini, peserta akan mengikuti tiga sesi iaitu perbincangan meja bulat (RTD), *ASEAN Community Engagement Programme* (ACEP) dan *ASEAN Cultural Festival* (ACF)," katanya.

Jenama AUYS mula diperkenalkan pada 2015 oleh PPA CAS dan berjaya dilaksanakan secara konsisten tahun demi tahun yang mana pada 2016 ia dianjurkan oleh Universitas Teknologi Sumbawa (UTS), Indonesia; 2017 di De La Salle University – Dasmaringas, The Philippines; 2018 di Thaksin University, Thailand dan 2019 kembali semula ke UUM sebagai tuan rumah.

AUYS 2020 akan dianjurkan oleh HCMC University of Economic and Finance, Vietnam sempena Vietnam menjadi Pengerusi ASEAN 2020.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.